



## 10<sup>22</sup> PENGAJIAN TAFSIR AL-QURAN DI PONDOK MODEN BACHOK: SATU TINJAUAN AWAL.

Wan Fakhrul Razi Wan Mohamad  
Mohd Manawi Mohd Akib  
Abdul Azis Awang Kechik  
wanfakhrulrazi@kuis.edu.my

### Abstrak

*Institusi pengajian pondok merupakan salah satu pusat pendidikan yang telah melahirkan ramai para ulamak, tokoh-tokoh agama, guru-guru dan pendakwah yang terkenal dan mahir dalam bidang agama. Pengajaran tafsir al-Quran mempunyai asasnya dalam institusi pendidikan Islam tradisional yang dikenali sebagai "pondok". Justeru kajian ini cuba untuk mendedahkan jenis pengajaran tafsir al-Quran di Pondok Moden Bachok. Kajian ini menggunakan pendekatan metode kualitatif dengan kaedah temu bual, observasi dan juga kajian maktabi. Kajian awal mendapati Institusi pendidikan Islam formal ini memberi perhatian khusus kepada pengajaran tafsir al-Quran untuk menjadikan pelajar lebih memahami isi kandungan al-Quran dengan betul bagi mendapatkan ajaran Islam yang benar dan tulin. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan institusi pondok ini telah mempraktikkan keseluruhan manhaj dan cara pengajaran tafsir yang diwarisi secara tradisi dan memerlukan sokongan semua pihak bagi mengekal dan menjayakan konsep indahnya bertalaqqi.*

*Kata kunci:* tafsir, al-Quran, pondok.

### 1. PENGENALAN

Kemunculan sistem pondok di Tanah Melayu dipercayai seiring dengan kedatangan agama Islam di Tanah Melayu iaitu pada abad ke-14. Berdasarkan kepada penemuan batu bersurat di Terengganu bertarikh 1303M yang ditemui separuh tenggelam selepas banjir surut di tebing Sungai Tersat, Kampung Buluh di Kuala Berang, Hulu Terengganu pada tahun 1887 (Abdul Razak Salleh 2010). Institusi pengajian pondok merupakan salah satu pusat pendidikan yang telah melahirkan ramai para ulamak, tokoh-tokoh agama, guru-guru dan pendakwah yang terkenal dan mahir dalam bidang agama (Aisyah Ab Rahim 2014).

Penubuhan institusi pondok ini kebanyakannya ditubuhkan di negeri-negeri pantai timur iaitu Kelantan, Terengganu dan Kedah. Dikatakan kewujudan pengajaran pondok ini bermula semenjak zaman penjajahan di tanah melayu lagi. Penubuhan institusi pengajaran ini disebabkan oleh tuntutan dan keperluan terhadap tuntutan agama Islam dikalangan masyarakat pada ketika itu dalam menyebarkan dakwah dan didikan agama yang mana pada ketika itu, wujudnya pengaruh-pengaruh dakyah dan pengaruh agama lain disebabkan oleh penjajah.



Pada masa kini, institusi pondok dilihat semakin tidak dikenali kewujudannya oleh masyarakat pada zaman sekarang terutamanya masyarakat yang tinggal di luar bandar, sesetengah dikalangan remaja dan sesetengah pihak lain pula beranggapan institusi pondok ini hanyalah tempat bagi orang-orang tua menghabiskan jangka hayat hidupnya dengan mendalam agama. Sehubungan dengan itu, institusi pondok perlu dibuat penyelidikan bagi merungkai lebih lanjut terhadap sejarah penubuhan, latar belakang dan kakitangan institusi, sistem pengajian dan peringkat pengajian. Kajian ini dibuat bagi memperkenalkan pengajian tafsir di pondok moden dan mengubah persepsi masyarakat terhadap institusi pengajian di pondok. Selain itu juga, ianya bagi memberi ruang untuk menjadikan institusi pondok sebagai pilihan pertama kepada ibubapa untuk menghantar anak-anak bagi menuntut ilmu di pondok.

Menurut Mustaffa Abdullah (2003), pengajian di institusi pengajian pondok masih mengekalkan pengajian secara tradisional. Institusi dan struktur pengajian dikatakan begitu tersusun rapi yang terdiri daripada beberapa peringkat pengajian. Pengajian tafsir merupakan salah satu subjek pengajian yang diajar di institusi pondok malah ia merupakan mata pelajaran yang utama dalam pengajian pondok. Pengajian tafsir pada peringkat awal melalui sistem pondok menjadikan karya-karya tafsir klasik sebagai buku teks bagi para pelajar. Walaubagaimanapun orientasi pengajian tafsir al-Quran dikatakan telah berubah setelah ia dilaksanakan menerusi sistem pengajian sekolah yang turut memberi perhatian kepada ilmu dunia. Pengajian tafsir pada setiap peringkat tentunya berbeza-beza, dimana semakin tinggi tingkat pengajian semakin luas pula perbahasannya. (Mustaffa Abdullah 2003).

Bagi merungkai lebih lanjut terhadap pengajian tafsir di pondok, metodologi dalam pengajian tafsir perlu dikaji untuk mengetahui lebih mendalam terhadap proses pembelajaran di pondok. Pengajian tafsir di pondok dikatakan masih lagi menggunakan kitab-kitab lama yang dikarang sendiri oleh tokoh-tokoh ugama yang terkenal pada zaman dahulu samada dalam bahasa arab mahupun bahasa melayu klasik yang di tulis dalam tulisan jawi lama. Penelitian terhadap buku-buku dan kitab-kitab tafsir yang muktabar dari ulamak silam di pondok juga akan dilihat bagi merungkai manhaj penulisan dan penyusunan yang dibuat oleh penulis atau pengarang kitab tersebut. Dengan itu, secara tidak langsung dapat memperkenalkan kitab-kitab yang digunakan di pondok. Kajian terhadap metode pembelajaran kitab tafsir yang digunakan di pondok juga akan diselidik untuk mengetahui cara metode yang digunakan ketika proses pembelajaran. Penulis akan melihat metode pembelajaran, guru yang mengajar, waktu pembelajaran, kitab yang digunakan dan alat bantuan semasa mengajar seperti nota, buku-buku rujukan dan sebagainya. Kajian penyelidikan terhadap proses pembelajaran ini dibuat khususnya semasa pengajian tafsir sahaja bagi memperkecilkan dan menentukan skop kajian.

## 2. SEJARAH PENUBUHAN DAN PERKEMBANGANNYA

Pusat Pengajian Pondok YIK, Kampung Telong atau Pondok Moden Bachok didirikan di atas sebidang tanah seluas 56 ekar, di mana penubuhannya di atas kesedaran semakin berkurangan alim ulamak dari masa ke semasa, apabila seorang demi seorang alim ulamak meninggal dunia tanpa pengganti. Cadangan penubuhan ini bermula dalam tahun 1981 setelah setelah beberapa kajian dan perbincangan diadakan. Yayasan Islam Kelantan YIK telah diamanahkan untuk menrealisasikan penubuhan ini. Satu jawatankuasa dibentuk iaitu



Jawatankuasa Penyediaan Sukatan Pondok yang diketuai oleh Tan Sri Haji Ibrahim. Maka hasil daripada perbincangan dan bagi memenuhi kehendak satu institusi badan kerajaan negeri Kelantan iaitu YIK maka tertubuhlah sebuah pusat pengajian Islam yang pertama oleh YIK dalam bentuk pengajian pondok yang bersistem dan mengikut cara moden di Kampung Telong, Bachok, Kelantan. Institusi pondok ini diberi nama asalnya sebagai Pondok Moden. (Ershad Fadzil 2014).

Menurut Wazir bin Awang, pada awal tahun 1982 sebanyak lima belas buah pondok kediaman pelajar didirikan dan didikuti dengan pembinaan dua buah rumah guru pada tahun 1983. Seterusnya, pada 18 Mei 1982 Sultan Kelantan telah perkenan meletak batu asas pembinaan masjid pondok yang diberi nama Masjid Qudus yang siap dibina pada penghujung tahun 1984 dan digunakan untuk tempat belajar sementara, solat berjemaah dan juga solat jumaat. Pengajian sulung telah bermula pada tahun 11 Februari 1984 bersamaan dengan 9 Jamadil Awal 1404H dengan dipimpin oleh seorang pengetua yang digelar “Syeikh Pondok” dan dibantu oleh tiga orang guru penolong, manakala pelajarnya pula seramai tiga puluh lapan orang. Seterusnya, pada tahun 1985, sebuah asrama panjang telah didirikan untuk menampung tujuh puluh dua orang pelajar dan meningkat kepada satu ratus empat orang pada tahun 1986. Pada tahun 1987, satu unit bangunan yang mengandungi ruang pejabat dan bilik perpustakaan telah siap dibina. Pada akhir tahun 1986 seramai dua puluh lima orang pelajar kuliah tahun tiga (kumpulan pertama) telah menduduki peperiksaan Sijil Tinggi Ugama Pondok (STUP) dan lapan orang daripada mereka telah Berjaya melanjutkan pelajaran ke Universiti Al-Azhar, Mesir pada akhir tahun 1987. Dalam bulan September 1987, nama Pondok Moden ditukar kepada Pusat Pengajian Pondok Moden. (Wazir Awang 2019)

Pada akhir tahun 1988, bilangan pelajar telah meningkat kepada satu ratus dua puluh lapan orang. Seramai lapan orang pelajar Kuliah Tahun 5 (kumpulan pertama) telah mengambil peperiksaan Sijil Tertinggi Pondok (STTUP) dengan mencapai kejayaan 100%. Pada 1991 hingga kini Pusat Pengajian Pondok Moden telah mengalami perubahan yang pesat, dimana dua buah asrama baru telah dibina. Pihak Yayasan Islam Kelantan (YIK) telah memperkenalkan sistem temuduga bagi kemasukan pelajar baru ke pondok ini supaya ianya lebih sistematik. Mulai tahun 1995 pelajar-pelajar menggunakan sukatan pelajaran yang baru yang telah digubal semula dan tahun 1996 menyaksikan kewujudan Kuliah Tahun Enam dan Tahun Tujuh. Beberapa matapelajaran baru termasuk Bahasa Inggeris telah diajar supara selaras dengan sukatan pelajaran Universiti Al-Azhar, Mesir . Seterusnya, pada akhir tahun 1996, seramai 10 orang pelajar telah meduduki Peperiksaan Peringkat Sijil Aliah yang setaraf dengan Diploma. Ini merupakan pencapaian Pusat Pengajian Pondok menuju ke arah perkembangan Pusat Pengajian Tinggi di Malaysia. Pada 19 Mei 1997, Lembaga Pengiktirafan Universiti Al-Azhar, Mesir dalam persidangannya kali ke-149 pada 30 Mac 1997 telah membuat keputusan bersetuju mengiktiraf kurikulum Pusat Pengajian Pondok Moden ini setaraf dengan kurikulum Tahun 2 Dirasat Islamiah Wal-Lughah Al-Arabiah, Fakulti Pengajian Islam Dan Bahasa Arab dan berkelayakan menyambung pelajaran ke Tahun Tiga di fakulti tersebut. (Ghazali Basri 1989).

Untuk memastikan pembelajaran di pusat pengajian ini lebih bersistematik dan selaras dengan perkembangan semasa, pihak Ahli jawatankuasa Pondok bermesyuarat dan memutuskan untuk menggubal tahun Tujuh. Pengajian secara semester diperkenalkan dan pelajar-pelajar akan melalui enam semester bagi Thanawiah dan enam semester bagi A'liah. Ini menjadikan masa pengajian dari tujuh tahun kepada enam tahun sahaja. Selain itu, nama asal bagi Pusat Pengajian



Pondok Moden juga telah ditukar secara diiktiraf oleh YIK sebagai Pusat Pengajian Pondok YIK bersempena dengan nama Yayasan Islam Kelantan dimana pemilikan dan kawalan sepenuhnya keatas Pusat Pengajian Pondok YIK tersebut. (Ghazali Basri 1989).

Pusat Pengajian Pondok YIK ini terus menjadi nadi penggerak kepada perkembangan ilmu berasaskan sistem pengajian pondok dan sistem pembelajaran akademik. Dengan demikian itu juga dapat menjadikan pengajian di Pusat Pengajian Pondok YIK ini tidak ketinggalan dan memenuhi syarat kelulusan yang disahkan oleh mana-mana institusi swasta dan kerajaan dalam negara. (Wazir Awang 2019).

### 3. OBJEKTIF KAJIAN

Antara objektif kajian ini adalah bertujuan untuk melihat sejarah penubuhan dan perkembangan Pondok Moden, mengenalpasti metode pengajian tafsir al-Quran dan menganalisis manhaj kitab-kitab tafsir yang digunakan. Ini penting bagi menilai keberkesanan pengajian tafsir al-Quran di pondok yang terbukti telah melahirkan ramai ilmuan yang hebat dan menjadi rujukan ummah.

### 4. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan metode kualitatif dengan kaedah temu bual, observasi dan juga kajian perpustakaan dengan mengumpul maklumat dan data-data yang berkaitan daripada bahan-bahan rujukan yang terdiri daripada jurnal, kertas projek, majalah, buku-buku taklimat, kertas kerja jabatan dan sebarang penulisan yang sesuai mengenai tajuk ini. Pengumpulan data melalui kaedah tinjauan literature dan temubual secara langsung dan tidak langsung dengan responden yang terdiri dari kalangan pengetua pondok, tenaga pengajar dan pelajar pondok. Data yang telah dikumpulkan dianalisis menggunakan kaedah deduktif, induktif dan komparatif.

### 5. DAPATAN KAJIAN DAN RUMUSAN

Pengajian tafsir merupakan suatu disiplin ilmu yang amat penting dalam pengajian Islam kerana ia membincangkan mengenai kalam Allah iaitu al-Quran sebagai panduan hidup. Segala khazanah yang terdapat di dalamnya dapat membantu seseorang untuk memahami al-Quran yang merupakan sumber utama bagi umat Islam. Pengajian tafsir al-Quran telah lama wujud sejak zaman Rasulullah s.a.w. hingga ke saat ini dan telah melalui beberapa perkembangan dari satu generasi kepada generasi yang lain. Pengajian tafsir di institusi pondok pada peringkat awal hanya terhad melalui ceramah-ceramah di surau sahaja, seiring dengan perkembangan zaman pengajian tafsir meluas dan telah diajarkan di beberapa institusi-institusi samada di sekolah menengah, universiti mahupun pondok moden dan tradisional. Pengajian tafsir pada setiap peringkat tentunya berbeza-beza, dimana semakin tinggi tingkat pengajian semakin luas pula perbahasannya. (Mustaffa Abdullah 2003).

Oleh yang demikian, untuk memahami kitab suci ini seseorang itu perlu mengetahui beberapa asas yang dikenali sebagai ulum dan usul tafsir yang merupakan satu ilmu yang penting daripada ilmu-ilmu al-Quran. Ilmu-ilmu tafsir meletakkan asas-asas untuk mentafsir al-Quran dan menerangkan metod yang betul dalam menerangkan kalam Allah. Seiring dengan



pertumbuhan populasi yang terus meningkat serta kefahaman setiap insan yang berbeza dalam memahami makna al-Quran muncullah para mufassirin dari pelbagai kalangan dengan corak dan metode pentafsiran al-Quran yang beraneka bentuk. Perbezaan pentafsiran ini menjadikan para ahli tafsir memiliki kecenderungan tersendiri dalam mentafsirkan al-Quran.

Dalam metode pengajian tafsir al-Quran, Pondok Moden menggunakan kitab yang di pilih berdasarkan kepentingan dan keperluan dalam mendalami ilmu ini. Kitab tafsir yang digunakan adalah mengikut kesesuaian pada setiap peringkat pengajian. Fokus utama dalam pembelajaran tafsir di Pondok Moden tertumpu kepada memahami disiplin ilmu tafsir yang memerlukan kefahaman dari pembelajaran pada peringkat awal sehingga di akhir pengajian. Kitab tafsir yang diguna adalah hanya tertumpu satu kitab tafsir sahaja iaitu Tafsir al-Jalalain.

Tafsir al-Jalalain merupakan hasil karya dua orang yang berbeza dengan gelaran yang sama iaitu Jalal al-Din. Pengarang kitab tafsir al-Jalalain yang pertama bernama Jalal al-Din Muhammad Bin Ahmad Al-Mahalli. Beliau telah menulis satu bahagian daripada tafsir ini bermula dari surah al-Kahfi hingga surah al-Naas. Beliau dilahirkan di Mesir pada tahun 791 H dan merupakan salah seorang ulama' yang bermazhab Syafi'ie. (*Tabaqat Al-Mufasirin*, hlm.80) Manakala pengarang kedua tafsir al-Jalalain ini adalah Jalal al-Din Abdul al-Rahman al-Suyuti. Beliau menyambung dan melengkapkan tafsir Al-Jalalayn dengan mengarang tafsir ini bermula daripada surah al-Baqarah sehingga akhir surah al-Isra'. Beliau dilahirkan pada tahun 849 H dan beliau dibesarkan dalam keadaan yatim dan telah menghafal Al-Quran pada umur 8 tahun. (*Husn al-Muahadarah Fi Tarikh Misr wa al-Qahirah*, hlm 336). Hal ini telah disahkan dalam mukaddimah tafsirnya sepertimana Imam al-Suyuti menyatakan bahawa Imam al-Mahalli telah mentafsirkan bahagian yang kedua daripada al-Quran dan beliau menyambung bakinya yang tidak sempat ditafsirkan.

Pembelajaran kitab tafsir Jalalain ini dibahagikan kepada dua sesi pembelajaran iaitu dalam matapelajaran Tafsir 1 dan Tafsir 2. Bagi pembelajaran dalam matapelajaran Tafsir 1 membincangkan sebahagian surah daripada surah al-Hujurat hingga surah al-Qalam. Pengajaran pada sesi ini telah memperincikan terhadap kaedah penafsiran oleh Imam Jalal al-Din al-Mahalli dari sudut asbab nuzul, tanasub surah, pengertian kalimah dan ayat, I'raab dan juga qiraat secara ringkas dan padat. Bagi matapelajaran Tafsir 2 pula pelajar akan mempelajari penafsiran sebahagian surah daripada surah al-Mulk hingga surah al-Naas dan surah al- Fatihah. Dalam sesi ini menumpukan terhadap perincian asbab nuzul, tanasub surah, pengertian kalimah dan ayat, I'raab dan qiraat dan terus menumpu kepada kesimpulan dalam pengambilan hukum-hakam daripada ayat-ayat hukum berdasarkan ijтиhad oleh Imam Mahalli.

Secara keseluruhan pengajian tafsir pada kitab Jalalayn ini adalah mengikut surah yang tertentu dipilih untuk dipelajari. Mengikut susunan pengajian tafsir yang dipelajari dalam kitab ini bermula pada surah al-Hujurat ayat 1 hingga 8, surah al-Hujurat ayat 9 hingga 18, surah Qaaf ayat 1 hingga 15, surah Qaaf ayat 16 hingga 35, surah Qaaf ayat 36 hingga 45, surah al-Haaqaf ayat 1 hingga 12, surah al-Haaqaf ayat 13 hingga 37, surah al-Ahqaf ayat 38 hingga 52. Keseluruhan daripada surah al-Hujurat, Qaaf dan Al-Haaqaf dipelajari oleh para pelajar bagi matapelajaran Tafsir 1. Seterusnya bagi sambungan kepada pembelajaran kitab Jalalayn ini pada matapelajaran Tafsir 2. Dalam matapelajaran Tafsir 2 ini ditumpukan pada penafsiran sebahagian surah al-Mufassal daripada surah al-Mulk, al-Qalam, al-Haqqah, al-Ma'arij, Nuh, al-Jin, al-Muzzamil, al-Muddathir, al-Qiyamah, al-Insan, al-Mursalat, an-Naba', al-Nazi'at, Abasa, at-



Takwir, al- Infitar, al- Mutaffifin, al-Inshiqaq, al-Buruj, at-Tariq, al-A'la sehingga surah an-NaaS dan al-Faatihah.

Rumusan keseluruhan dalam kajian ini mendapati sistem pengajian di Pondok Moden mempunyai tahap pengajian yang tinggi sehingga di peringkat Diploma. Peringkat pengajian juga hanya mengambil pelajar-pelajar yang layak menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) keatas sahaja. Kemasukan pelajar-pelajar juga mempunyai syarat-syaratnya yang tertentu iaitu memiliki sijil yang setaraf dengan Sijil Menengah Ugama (SMU). Tempoh pengajian di Pusat Pengajian Pondok YIK mengambil masa selama 6 tahun menghabiskan pengajian dan memiliki diploma pondok. Pengambilan pelajar juga ditumpukan bagi membimbing dan mengasah pendidikan para pelajar dalam memantapkan keimanan bersesuaian dengan objektif dan matlamat penubuhan pondok.

Selain itu, rumusan terhadap latar belakang tenaga pengajar yang memainkan peranan penting dalam pelbagai aspek yang menjadi akar tunjang kepada para pelajar dalam membentuk keperibadian sahsiah pelajar. Keperibadian seseorang guru mestilah menunjukkan contoh tauladan yang baik dalam kehidupan. Dalam aspek pendidikan pula, para guru di Pondok Moden dilihat memiliki kelebihan keilmuan mereka yang tersendiri dan menunjukkan beberapa ciri-ciri oleh tenaga pengajar di pondok yang dikaji dan memberikan kelebihan dalam pengajian tafsir. Ia dapat dilihat adalah berdasarkan beberapa ciri-ciri keperibadian dalam aspek pendidikan, rohani dan jasmani para guru. Tenaga pengajar dilihat lebih mementingkan kepada aspek tabaqat periwayatan iaitu aliran penurunan sanad daripada ulama' tafsir yang muktabar dalam pengajian kitab tafsir. Ciri-ciri yang dimiliki oleh tenaga pengajar dalam pendidikan dilihat memiliki keilmuan dalam bidang tafsir yang utuh dengan penerimaan pengijazahan daripada guru-guru mereka untuk mencurahkan ilmu tafsir yang dimiliki kepada para pelajar.

Diantara guru-guru tafsir yang mendapat pengiktirafan periwayatan daripada ulama' tafsir adalah Ustaz Qamarullaili bin Haji Muhammad mendapat periwayatan daripada al-Marhum Tuan Guru Haji Hasan bin Ismail Mentuan daripada Syeikh Abdul Qadir al-Mandili Rahimahullah, Ustaz Ismail bin Ishak dan Ustaz Mohd Rudzuan bin Jusoh menerima periwayatan daripada Tuan Guru Haji Hasan bin Ismail Mentuan dan Tuan Guru Haji Daud Mahligai, Ustaz Mohd Addailani bin Mohamed mengambil riwayat daripada Ustaz Qamarullaili bin Haji Muhammad dan Tuan Guru Syeikh Wazir menerima periwayatan daripada Syeikh Abdul Qadir al-Mandili Rahimahullah. Kesemua periwayatan adalah bagi pengijazahan dan pengiktirafan pembelajaran kitab tafsir Jalalain. Hal ini memberikan kelebihan kepada para pengajar dalam menyampaikan ilmu tafsir. Proses pengajian menjadi mudah dan dapat mempelbagaikan cara persembahan semasa pembelajaran kerana terdapat juga guru-guru tersebut yang pernah belajar di Pondok Moden.

Rumusan terhadap sistem pengajian di Pondok Moden mendapati sistem pengajian terlaksana secara umumi dan nizomi. Secara umumnya adalah menggunakan metode pengajian berhalqaah dimana seorang guru akan membacakan kitab tafsir serta menterjemahkannya kepada para pelajar, setelah itu giliran para pelajar mengulangi dan menterjemahkan kata demi kata sebagaimana yang telah diungkapkan oleh gurunya. Hal ini dilakukan agar para pelajar boleh mengetahui erti dan fungsi kata dalam rangkaian kalimah arab. Cara ini memberikan kelebihan kepada para pelajar dalam menguasai pembacaan dan pemahaman kitab tafsir dalam Bahasa arab. Pengajian ini kebiasannya diadakan di masjid. Secara nizominya pula, pengajian tafsir di pondok mempunyai ketetapan pada waktu jadual yang ditetapkan, pengajian diadakan di kelas-



kelas didikuti dengan seorang guru yang akan mengajar dan membahaskan ilmu tafsir al-Quran dengan terjemahan dalam Bahasa Melayu. Diakhir setiap pengajaran, akan mengadakan peperiksaan bagi menilai kefahaman pelajar dan menentukan kenaikan kelas kepada tahap yang seterusnya.

Seterusnya, hasil pemerhatian terhadap pemilihan kitab tafsir pada pengajian tafsir juga didapati berlakunya pengaruh terhadap suasana, peringkat umur dan tahap pengajian menjadi kecenderungan kepada pemilihan kitab untuk dijadikan sebagai rujukan dalam pembelajaran tafsir. Pondok Moden hanya menggunakan kitab Tafsir Jalalain sahaja. Penumpuan sepenuhnya diberikan kepada pengajian tafsir kitab Jalalain kerana ia merupakan kitab tafsir yang sangat unik dan memerlukan perbahasan yang meluas oleh guru yang maher. Pemilihan kitab Jalalain yang digunakan di Pondok Moden sebagai rujukan utama dalam pengajian tafsir berdasarkan pengaruh daripada kebanyakan ulama'-ulama' nusantara yang menggunakan tafsir Jalalain sebagai rujukan untuk diajarkan samada di kuliah, madrasah, pondok-pondok, masjid-masjid dan lain-lain. Tafsir Jalalain juga merupakan kitab tafsir yang terkenal dalam kalangan masyarakat Melayu muslim Malaysia dan nusantara. Kitab ini dilihat memenuhi keperluan para pelajar untuk mempelajarinya kerana kitab ini mempunyai isi kandungan yang padat, singkat, ringkas dan banyak menyebutkan aspek-aspek khusus secara mendalam terhadap satu-satu ayat al-Quran.

## 6. KESIMPULAN

Sistem pembelajaran di pondok khususnya dalam pengajian tafsir mempunyai kelebihan dan keunikannya yang tersendiri. Ia perlulah dikekalkan, seterusnya, diperkasakan untuk melahirkan individu muslim yang berakhlik dan mampu menyambung kegemilangan ulama terdahulu.

Pondok Moden dilihat mempunyai potensi dan kelebihan dalam menjadikan institusi pengajian pondok sebagai pilihan utama dalam pengajian pada zaman sekarang. Hasilnya dapat kita lihat pada hari ini, penambahan pelajar yang mendaftar di institusi pengajian pondok semakin meningkat. Bekas pelajar institusi pondok juga telah ramai yang berjaya melanjutkan pengajian di peringkat yang lebih tinggi didalam dan luar negara dan menjadi rujukan kepada pelajar lain terutamanya dalam pengajian tafsir. Begitu juga dalam aspek kerjaya dalam bidang pekerjaan dilihat pelbagai bidang dapat diceburi oleh bekas pelajar pondok samada dalam bidang pendidikan, politik dan sebagainya. Pengajian di institusi pondok dilihat masih relevan dan konsisten untuk menjadikan sebagai pilihan tempat pengajian yang utama. Keperluan masa kini dalam memantapkan dan membentuk sahsiah masyarakat yang dilihat semakin jauh dari ajaran agama. Masyarakat pada hari ini ramai yang mengalami masalah sosial yang semakin tidak terkawal dan lalai dengan kemewahan teknologi yang canggih. Institusi pondok merupakan tempat yang terbaik bagi membentuk jati diri dengan penerapan ilmu-ilmu agama kerana ianya mempunyai kelebihan dalam melatih para pelajar membentuk kehidupan sebagai seorang muslim yang baik berdikari. Selain itu, kelebihan institusi pengajian pondok adalah mendapat ilmu daripada para ulama' dengan periyawatan yang sahif dimana sumber-sumber bagi rujukan ilmu adalah disepakati oleh ulama' yang muktabar.

Namun tidak dinafikan terdapat beberapa kelemahan yang dihadapi pondok kerana kehidupan realiti tidak dapat lari daripada kesilapan dan cabaran hidup yang dihadapi. Akan tetapi kelemahan bukanlah menjadi penghalang kepada institusi pengajian pondok untuk membangunkan dan meningkatkan mutu pengajian. Antara kelemahan yang dihadapi oleh



institusi pondok adalah berlakunya masalah dari segi infrastruktur bangunan untuk menampung kuantiti para pelajar yang semakin ramai. Begitu juga, masalah bangunan yang lama yang telah rosak dan memerlukan penambahbaikan untuk kegunaan harian pelajar. Disamping itu juga, bagi mencantikkan pemandangan dan suasana tempat belajar untuk kesenangan dan keselesaan kepada para pelajar. Selain itu, maklumat yang lengkap terhadap pengurusan pentadbiran juga dilihat kurang teratur. Maklumat pelajar-pelajar yang mendaftar, tenaga pengajar, sistem pengajian secara bertulis dilihat tidak diaudit oleh agensi yang berkelayakan. Walaubagaimanapun, hal ini dilihat tidak menjadi masalah kepada institusi pengajian pondok dalam menjalankan tanggungjawab masing-masing.

## 7. RUJUKAN

- Mustaffa Bin Abdullah. 2003. *Pengajian Tafsir Di Kelantan Satu Tinjauan*. Jurnal Usuluddin Bil. 17-18, Julai 2003.
- Al-Dawudi Syams al-Din Muhammad Bin Ali Bin Ahmad. 1972. *Tabaqat Al-Mufasirin*. Cairo, Maktabah Wahdah, Jld 2.
- Al-Suyuti Jalal al-Din Abd Rahman. 1967. *Husn al-Muahadarah Fi Tarikh Misr Wa al-Qahirah*. Kaherah. Isa Al-Babi al-Halabi Wa Syurkah. Jid 1.
- Nurzatil Ismah Azizan. 2013. *Metodologi Ahli Tafsir*. Jabatan Quran Dan Sunnah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Ghazali Basri, Ahmad Fauzi Morad, Muhd. Fauzi Muhammad. 1989 “*Pusat Pengajian Pondok Telong, Bachok Kelantan*”. Jurnal Pendidikan Islam. Fakulti Pengajian Pendidikan, UPM.
- Hasan Madmarn, *The Pondok & Madrasah in Pattani*, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi, 1999.
- Zamakhshyari Dhofier, *Tradisi Pesantren: Studi tentang Pandangan Hidup Kyai*, Penerbit Lembaga Penelitian, Pendidikan dan Penerangan Ekonomi Sosial (LP3ES): Jakarta, 1982.